

4,493 bergraduasi pada Konvokesyen UMS ke-26

UB 22.11.2024 P.08



SHahril

KOTA KINABALU: Seramai 4,493 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun 2024 akan bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-26.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahril Yusof, berkata daripada jumlah itu, seramai 3,862 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 119 pelajar Doktor Falsafah (PhD) yang mencatatkan peningkatan signifikan berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, lebih membanggakan, sekitar 65 peratus daripada graduan merupakan anak kelahiran Sabah, sekali gus menandakan sumbangan besar UMS melahirkan bakat tempatan berkualiti.

“Dalam kalangan graduan, lima pelajar adalah daripada Orang Kurang Upaya (OKU), 96 graduan pelajar antarabangsa, satu Anumerta dan 118 graduan daripada kategori B40.

“Selain itu, 426 pelajar berjaya memperoleh Ijazah Kelas Pertama dan

ini menunjukkan pencapaian akademik yang membanggakan,” katanya ditemui selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin di Istana Seri Kinabalu pada Selasa.

Kunjungan bertujuan memaklumkan Juhar tentang Program Konvokesyen UMS ke-26 serta Sambutan Ulang Tahun UMS ke-30 tahun yang akan berlangsung di Dewan Canselor UMS pada 7 hingga 10 Disember ini.

Shahril berkata acara tradisi, Tamu Gadang juga akan diadakan serentak dengan program konvokesyen sebagai pengisian program bagi orang ramai termasuk keluarga graduan untuk merasai suasana kemeriahannya konvokesyen di UMS.

“Tamu Gadang ini bukan hanya platform bagi merayakan pencapaian graduan tetapi juga memperkuatkan hubungan UMS dengan masyarakat sekitar,” katanya. — Penerangan